

02/12/1997

PM lancar Eleksuria keluaran POEM

BANGI, Isnin - Industri automobil negara mencatat satu lagi sejarah apabila Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan kenderaan elektrik pertama buatan Malaysia dan mengisytiharkan namanya sebagai Eleksuria.

Kereta jenis buggy dan berkonsep mesra alam itu dihasilkan oleh Perusahaan Otomobil Elektrik (Malaysia) Sdn Bhd (POEM); sebuah anak syarikat Tenaga Nasional Berhad (TNB) dengan usaha sama Frazee-Nash Research Ltd (FN), dari United Kingdom.

Penubuhan POEM adalah dengan modal berbayar RM10 juta. Ia adalah satu lagi kegiatan pemindahan teknologi asing membabitkan ekuiti 50 peratus dipegang oleh TNB, 40 peratus FN manakala lima peratus masing-masing tokoh korporat tempatan iaitu Datuk Mohd Nadzmi Mohd Salleh dan Tan Sri Basir Ismail.

Turut hadir pada majlis pelancaran Eleksuria di kampus Universiti Tenaga Nasional (Uniten) ialah Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie serta Pengerusi Eksekutif TNB, Datuk Dr Ahmad Tajuddin Ali.

Menurut Ahmad Tajuddin semalam, keluaran pertama Eleksuria sebanyak 10 unit menggunakan lebih 50 peratus komponen tempatan dan dijayakan dalam masa enam bulan sahaja.

Beliau berkata keluaran pertama kenderaan elektrik itu akan dihantar ke Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi '97 (Lima '97).

(END)